

Pernikahan Maya

Relevankah selepas PKP?

Zul-kifli Hussin

Pensyarah Kanan, Jabatan Syariah, Fakulti Pengajian Islam
Universiti Sultan Azlan Shah

Hidup secara berpasangan menjadi tuntutan fitrah bagi setiap manusia. Bagi menghalalkan tuntutan fitrah tersebut, maka Islam mensyariatkan pernikahan. Tujuan pernikahan adalah untuk melestarikan kesinambungan zuriat manusia secara benar, mewujudkan ketenangan, dan melahirkan rasa mawaddah dan rahmah antara pasangan.



Secara adatnya, proses pernikahan tidak lengkap jika tidak dijalankan secara besar-besaran menurut tafsiran dan kadar kemampuan masing-masing. Bagi yang mementingkan kehendak (*hajiyat*) semata-mata, mereka akan sanggup bergolok-bergadai dan berbelanja besar demi memenuhi prinsip “sekali seumur hidup”. Namun begitu, mereka yang mengutamakan keperluan (*daruriyyat*) akan memastikan majlis berjalan dengan sempurna dan ala kadar sahaja asalkan memenuhi perkara yang wajib.

Namun begitu, situasi tersebut telah berubah sejak dunia umumnya dan Malaysia khususnya dilanda pandemik COVID-19. Hal tersebut telah merubah segala-galanya sehingga semua lapisan masyarakat harus hidup dengan kebiasaan baharu. Situasi ini tidak terkecuali melanda aktiviti pernikahan. Demi memutuskan rangkaian COVID-19, maka kerajaan Malaysia telah menguatkuasakan undang-undang di bawah Perintah Pengawasan dan Pemerhatian Seksyen 15(1) Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 342) dan Akta Polis 1967 (Akta 334).

Majlis pernikahan yang dahulunya dijalankan secara nyata dan bersemuka, kini berubah ke alam maya. Pada 17 April 2020, telah tercatat dalam sejarah Malaysia pasangan pertama majlis akad nikah secara atas talian. Majlis tersebut dilaksanakan berdasarkan garis panduan yang disediakan oleh Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI) yang berpandukan prosedur operasi standard (SOP) Majlis Keselamatan Negara (MKN). Majlis tersebut membabitkan pasangan pengantin lelaki, Muhammad Don Haadi Don Putra, bersama pasangannya, Nahdatul Aishah Mohd Sharif yang diadakan di Bandar Baru Wangsa Maju, Setapak, manakala pengantin perempuan pula berada di Setiawangsa. Majlis ini turut dihadiri oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Senator Datuk Dr. Zulkifli Mohamad al-Bakri.

Oleh sebab isu ini buat julung kalinya berlaku di Malaysia, maka hal tersebut agak mengejutkan dan mencetuskan ruang perbincangan dan perdebatan yang bersifat sehala. Bagi yang terlibat secara langsung dengan situasi demikian, mereka menganggapnya sebagai suatu rahmat. Meskipun negara berada dalam Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), hal tersebut tidak menjadi halangan bagi pasangan yang ingin berkahwin untuk melangsungkan pernikahan mereka kerana perancangan telah pun dibuat lebih awal. Bagi golongan yang tidak bersetuju, mereka beralasan bahawa pernikahan

mestilah dijalankan dalam satu majlis atau secara bersemuka (*ittihad al-majlis*). Mereka memberikan contoh pandangan dalam mazhab Hanafi yang mensyaratkan pernikahan hendaklah berlangsung dalam satu majlis. Kebimbangan yang disuarakan adalah dari aspek kemungkinan wujudnya keraguan atau boleh membuka ruang ketidaktelusan, dan isu keredaan pasangan atau wali dalam pernikahan tersebut.

Persoalannya, adakah majlis pernikahan yang telah pun berlangsung tersebut membuka ruang ke arah kebimbangan tersebut? Jika dianalisis secara adil, didapati bahawa pernikahan yang telah dilaksanakan oleh pasangan itu jelas memenuhi syarat yang telah ditetapkan, dan sekali gus menghilangkan kebimbangan tersebut. Langkah berhati-hati telah diambil kira, iaitu pengantin perempuan dinikahkan oleh bapanya sendiri. Tentunya keluarga perempuan telah pun mengenali keluarga sebelah pihak lelaki terlebih dahulu dan hal ini sekali gus menutup kebimbangan bahawa pernikahan akan berlaku secara paksa atau tanpa kerelaan perempuan atau wali.

PKP telah dilonggarkan menjadi PKPP (Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan). Namun begitu, adakah pernikahan secara maya masih relevan selepas PKP? Untuk menjawab persoalan tersebut, isu perkahwinan pertama tersebut diambil sebagai model, dan analisis ringkas secara kualitatif dan kuantitatif terhadap kedua-dua pandangan dibuat agar dapat dijadikan panduan dan perhatian oleh semua pihak.

Secara kualitatifnya, jika dianalisis pandangan yang membenarkan, maka dapatlah dibuat rumusan bahawa pada hakikatnya akad pernikahan tersebut telah berlaku dalam satu majlis. Malahan, akad tersebut menepati dan selari dengan keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (MKI) Kali ke-97 yang bersidang pada 15 hingga 17 Disember 2011 yang memutuskan bahawa harus melakukan akad nikah menerusi sidang video dengan syarat yang ditetapkan.

Muzakarah tersebut menegaskan bahawa sidang video telah memenuhi syarat *ittihad al-majlis* kerana termasuk dalam kategori *ittihad al-majazi*, iaitu pertemuan yang terjadi secara maya, pada hakikatnya adalah pertemuan. Bezanya pertemuan tersebut dilakukan secara maya. Bahkan, muzakarah juga menghukumkan harus akad nikah menerusi sidang video. Fatwa ini tentunya diikat dengan syarat yang ketat bagi memastikan segala penipuan,

keraguan dapat dihindari dan kebolehterimaan akad tidak dipertikaikan. Bezanya dengan golongan pertama ialah golongan kedua tidak mengelaskan sidang video sebagai *ittihad al-majazi*. Oleh itu, isu kebolehterimaan dan kesahan pernikahan secara sidang video atau secara maya adalah sah hukumnya.

Seterusnya, kebimbangan golongan kedua pula ada rasionalnya, iaitu bagi membendung dan menutup ruang-ruang kepada penipuan dan ketiadaan keredaan terhadap pasangan yang dinikahi atau berlaku paksaan kepada wanita dan wali. Oleh itu, dalam keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (MKI) Kali ke-97 yang bersidang pada 15 hingga 17 Disember 2011 turut menggariskan enam syarat bagi pernikahan secara maya, iaitu:

- i. Hendaklah majlis ini berlangsung pada tahap *al-yakin*, bukan *al-zhan*.
- ii. Tidak ada unsur penipuan (*al-gharar*) dan keraguan.
- iii. Cukup semua rukun dan syarat-syarat sah nikah menurut hukum syarak.
- iv. Digalakkan wali sendiri yang mengakadnikahkan pasangan.
- v. Terdapat halangan untuk melakukan akad nikah di tempat yang ditentukan kerana berjauhan seperti berada di luar negara dan sukar bagi kedua-dua belah pihak berada dalam satu majlis yang sama disebabkan sakit, banjir dan sebagainya.
- vi. Tertakluk kepada semua peraturan dan undang-undang (seperti Enakmen Keluarga Islam Negeri-negeri) yang sedang berkuat kuasa.

Melihat syarat yang telah digariskan oleh Muzakarah Jawatankuasa Fatwa, jelas menunjukkan bahawa kesemua syarat tersebut telah terpenuhi dan segala kebimbangan telah diambil kira.

Bagi syarat pertama, pernikahan tersebut berada pada tahap *al-yakin*, iaitu Muhammad Don Haad berada dalam tahap keyakinan bahawa Nahdatul Aishah Mohd Sharif itulah pasangannya yang sebenar, dan hal ini disokong lagi dengan bapanya berada di samping Nadhirah sebagai wali yang melakukan sendiri akad pernikahan tersebut. Keyakinan ini tidak dapat diragui lagi oleh sesiapa pun.


Bagi syarat kedua, segala unsur *gharar* (ketidaktentuan dan ketidakpastian) sama ada pada lafaz atau pada pihak yang terlibat tidak terdapat dalam acara tersebut. Segala-galanya telus dan disaksikan oleh para saksi dan waris terdekat masing-masing. Bagi syarat ketiga, segala rukun dan syarat

“Pernikahan maya hanya dibolehkan apabila terdapatnya halangan untuk melakukan akad nikah di tempat yang telah ditentukan. Misalnya, kerana berjauhan seperti berada di luar negara dan sukar bagi kedua-dua belah pihak berada dalam satu majlis yang sama.”

telah pun terpenuhi. Untuk syarat keempat, telah jelas bahawa pernikahan tersebut dinikahkan sendiri oleh bapa pengantin perempuan yang menjadi wali pernikahan dengan disaksikan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) Dr. Zulkifli Mohamad al-Bakri yang hadir di rumah pengantin perempuan.

Bagi syarat kelima, jelas diyakini dan dialami oleh semua rakyat Malaysia khususnya yang dilanda pandemik COVID-19 sehingga kerajaan telah menguatkuasakan PKP. Bagi syarat terakhir, bergantung pada semua peraturan dan undang-undang (seperti Enakmen Keluarga Islam Negeri-negeri) yang sedang berkuat kuasa.

Dari aspek kualitatif yang lain, pernikahan secara maya dilihat memenuhi falsafah pernikahan. Pernikahan secara maya sedikit banyak dapat menjimatkan perbelanjaan daripada kedua-dua pihak. Hal ini tentunya menepati dan selari dengan falsafah pernikahan itu yang menekankan prinsip memudahkan dan perbelanjaan semurah yang



Hal tersebut juga dilihat selari dengan maksud tersirat daripada gesaan Nabi Muhammad SAW kepada Abdurrahman bin Auf dengan sabda Baginda yang bermaksud: "Buatlah kenduri walaupun sekadar seekor kambing." (Hadis riwayat al-Bukhari, no. 4769).

Dari aspek analisis kuantitatifnya pula, kaedah tersebut menjimatkan masa dan biaya. Dalam perkiraan secara kasar, kos majlis akad nikah sama ada dibuat secara berasingan atau serentak dengan majlis kenduri tentunya akan menelan perbelanjaan yang tidak sedikit. Jika dibuat perhitungan kasar makanan yang disediakan secara katering dengan kiraan RM12.00 per orang, maka majlis kenduri yang dihadiri oleh 300 orang sudah mencecah RM3600.00 belum termasuk persediaan yang lain. Bandingkan jika majlis tersebut dibuat secara maya dan dimasak sendiri, tentunya hanya menghabiskan sekitar RM3000.00 hingga RM5000.00 ringgit tanpa sedikit pun mengurangi objektif daripada pernikahan tersebut.

Kesimpulannya, pernikahan yang telah berlangsung tersebut boleh menjadi penanda aras kepada pernikahan yang lain pada masa hadapan. Namun begitu, hal tersebut bergantung pada peraturan dan undang-undang di negeri masing-masing. Perlu ditekankan di sini bahawa pernikahan maya hanya dibolehkan apabila terdapatnya halangan untuk melakukan akad nikah di tempat yang telah ditentukan. Misalnya, kerana berjauhan seperti berada di luar negara dan sukar bagi kedua-dua belah pihak berada dalam satu majlis yang sama disebabkan sakit, banjir dan sebagainya, dan mungkin akan berubah sesuai dengan perubahan keadaan, zaman dan masa. Hakikatnya, pernikahan maya antara Muhammad Don Haadi Don Putra dan Nahdatul Aishah Mohd Sharif kerana wujudnya arahan PKP, dan dibimbangkan timbul kemudaratan yang lebih besar seperti penularan wabak COVID-19 kepada orang lain. Tentunya hal ini akan mengundang bencana yang lebih besar daripada semata-mata untuk mencapai tujuan pernikahan itu. Pernikahan boleh ditangguhkan, namun penyakit akan menular tanpa mengenal mangsa.

Untuk menjawab sama ada pernikahan selepas PKP masih relevan atau tidak haruslah melihat kepada tafsiran semasa daripada pihak agama yang berautoriti yang memberikan kupasan dan tafsiran kepada maksud terdapat halangan untuk melakukan akad nikah di tempat yang ditentukan. Kemungkinan suatu masa nanti jika situasi mendesak seperti rusuhan atau demonstrasi yang tidak berkesudahan secara besar-besaran pada sesuatu tempat, berkemungkinan hal tersebut juga boleh menjadi faktor baharu kepada pernikahan maya.

Garis panduan dalam Muzakarah Jawatankuasa Fatwa tersebut mengambil kira faktor alam atau faktor umum dan faktor individu atau faktor khusus sebagai alasan untuk mengadakan pernikahan secara sidang video atau secara maya. Faktor alam atau umum termasuklah bencana alam seperti banjir, tsunami, terputus perhubungan, dan wabak penyakit berjangkit yang menyebabkan berlaku perintah kawalan pergerakan atau perintah berkurung. Faktor individu pula ialah sakit yang mengganggu pergerakan untuk bergerak dari satu tempat ke tempat yang lain atau situasi lain yang tidak dapat diramalkan satu persatu. Secara tidak langsung, PKP sebenarnya mengajar masyarakat Islam Malaysia khususnya, bahawa Islam agama yang sesuai dengan tuntutan zaman dan menepati fitrah seluruh umat manusia. **DTI**